

ECER tak sisih rakyat Kelantan

PM umum 23 projek jadikan negeri Pantai Timur pusat perdagangan

B. H. m/s 9 1.11.07

Oleh Wan Faizal Ismayatim

BERBANDING Terengganu dan Pahang, pelancaran pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) di Kelantan mempunyai tarikan tersendiri. Ribuan hadirin yang membantiri Kompleks Sekolah-Sekolah Wakaf Mek Zainab di Kota Bharu terpesona dengan aksi spontan yang tertera di depan mata.

Dianggarkan lebih 10,000 hadirin memberikan tepukan gemuruh sehingga ada yang berdiri tanda kagum. Malah, ada juga yang terharu serta tidak kurang juga terkebil-kebil melihat dua pemimpin berbeza ideologi, beringan berjalan berpimpin tangan turun dari pentas pelancaran.

Ia berlaku secara spontan selepas pelancaran ECER peringkat Kelantan apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, memimpin tangan Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, menuruni tangga pentas pelancaran untuk kembali ke tempat duduk - sesuatu yang mungkin tidak pernah berlaku dalam arena politik negara atau mungkin di persada antarabangsa.

Yang pasti, apa yang dilihat di depan mata pada tarikh keramat 29 Oktober 2007 itu membuktikan kemesraan pemimpin Barisan Nasional (BN) dan Pas itu bukan dibuat-buat. Ia melambangkan realiti kerjasama rapat dua tokoh itu untuk menjayakan matlamat lebih besar bagi rakyat Kelantan yang sudah lama tersisih daripada arus pembangunan.

kah manisnya hidup...

"Mudah-mudahan langkah penyatuan pentas ini akan memulakan jalur gemilang yang sungguh-sungguh sebagai ganti kepada jalur hitam selama 17 tahun sebelum ini," katanya.

Namun, di sebalik kata manis itu, Nik Abdul Aziz mengambil kesempatan melemparkan kata sinis yang kurang enak sambil disambut tepukan ghairah dan teriakan segelintir hadirin yang mungkin terdiri daripada penyokong Pas.

Bagi sesetengah pemerhati, kata-kata sinis disusuli sikap hadirin yang berteriak, ibarat kisah seekor buaya yang dihempap batang kayu, mengambil kesempatan membaham kerbau yang ikhlas bersusah payah membantu mengalihkan beban itu.

Apabila tiba giliran berucap, Perdana Menteri memilih berbicara tanpa teks ucapan yang tersedia dengan intonasi bersahaja, menjawab kembali perkara yang dibangkitkan Nik Abdul Aziz itu.

"Dalam perancangan ECER yang mengambil masa agak lama ini, saya memang menyedari apa yang perlu dibuat. Apakah pelan Pantai Timur yang dibuat hanya untuk Terengganu dan Pahang, tidak termasuk Kelantan atau Kelantan harus dimasukkan juga.

"Tetapi, saya memahami bahawa apabila dilantik menjadi Perdana Menteri, saya juga Perdana Menteri bagi semua negeri termasuk Kelantan dan tidak ada sebab mengapa Kelantan perlu diketepikan sedang-

kan negeri Pantai Timur yang lain dibangunkan.

"Maka, Kelantan dimasukkan juga dengan tujuan Pantai Timur termasuk Kelantan memerlukan perhatian untuk dibangunkan, tiada tujuan lain. Apabila pelan ini diatur, saya tidak menoleh ke belakang dan mengambil cerita dulu yang pernah berlaku, tetapi kita pandang ke depan dan bersetuju kalau nak bekerjasama, kita perlu berjasama atas keikhlasan dan tak perlulah diungkit perkara lain yang berlaku pada waktu yang lain," katanya disambut tepukan gemuruh hadirin.

Malah, dalam ucapannya sepanjang lawatan ke Kelantan selama ini, Pak Lah tidak pernah mengecam mahupun memburuk-burukkan kepemimpinan Pas semata-mata untuk memikat rakyat Kelantan menyokong BN.

Sebaliknya, beliau sering mengungkapkan permintaan supaya rakyat Kelantan bersatu dan bermuafakat kerana rakyatnya yang majoriti Melayu di negeri itu tidak boleh terpinggir kerana pembangunan dan kemakmuran.

Bagi pemerhati, keperibadian Pak Lah yang tidak suka menyerang peribadi itu adalah suatu kelebihan yang tiada pada orang lain terutama di kalangan pemimpin pembangkang yang mengaku kononnya memperjuangkan Islam.

Jika dihitung daripada peruntukan besar serta program pembangunan yang dirancangkannya di Kelantan sejak beberapa

tahun lalu, negeri lain di bawah BN harus berasa cemburu.

Dalam pelan ECER di Kelantan, Pak Lah mengumumkan 23 projek dan inisiatif utama yang sudah dan dijayakan dengan sasaran untuk menjadikan Kelantan sebagai pusat perdagangan, pembangunan modal insan serta industri asas tani dengan pengkhususan ternakan ayam serta tanaman herba.

Malah, 23 inisiatif yang diumumkan untuk dilaksanakan di Kelantan adalah paling tinggi berbanding dua lagi negeri Pantai Timur, Terengganu dan Pahang yang masing-masing sebanyak 20 inisiatif utama yang akan dibangunkan sepanjang tempoh 12 tahun pelaksanaannya yang menjangkau sehingga Rancangan Malaysia Ke-11 pada 2020.

Daripada inisiatif itu, kampus tetap Universiti Malaysia Kelantan (UMK) akan dibina di Bachok dengan kampus cawangan di Jeli untuk menyediakan lebih banyak peluang pendidikan tinggi kepada pelajar cemerlang tempatan dalam usaha menjadikan Kelantan salah satu pusat kecemerlangan pendidikan di bawah ECER yang turut menjana kegiatan ekonomi di wilayah itu.

Pak Lah turut mengumumkan pelaksanaan projek Agropolitan Gua Musang di bawah Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar) untuk membasmi miskin tegar di kalangan 5,200 peserta terpilih melalui penyediaan peluang pekerjaan memabatkan pertanian dan industri asas tani serta kampung selain konsep sama turut ditekankan pada projek Agropolitan Lem-

Peristiwa bersejarah itu harus mewujudkan semangat baru di kalangan rakyat Kelantan untuk kembali bersatu selepas 17 tahun dikaitkan dengan perpecahan lantaran dibezakan pegangan politik kepartian.


Sedangkan dua pemimpin tertinggi BN dan Pas mampu bergandingan, rakyat Kelantan serta seluruh rakyat negara ini perlu mengambil iktibar betapa pergeseran politik perlu diketepikan dalam usaha mengejar kemajuan.

Jika Kerajaan Pusat dan kerajaan Pas Kelantan senada mahu memastikan pelan ECER berjalan lancar melalui hubungan dua hala yang erat, seharusnya tiada lagi pertikaian atau cakap-cakap di kalangan rakyat yang boleh mengganggu gugat harapan menggunakan Pak Lah dan Nik Abdul Aziz dalam memacu ke arah Kelantan yang mampu bergerak seiring dengan 12 negeri di bawah BN.

Terdahulu, ucapan pembuka kata Nik Abdul Aziz mencetus senyuman di kalangan hadirin tidak kira dari pendukung Umno mahupun Pas. Beliau mengakui, hari itu jugalah kali pertama beliau berpeluang berucap di depan pemimpin negara selepas 17 tahun bergelar Menteri Besar.

“Ini adalah detik bersejarah yang mengesahkan lagi wujudnya jalinan kerjasama akrab sejak sekian lama, khususnya sejak 17 tahun negeri ini diperintah kerajaan negeri yang ada pada hari ini,” katanya.

Beliau seterusnya menyambung bicara, “Selepas 17 tahun diamanahkan memimpin kerajaan Kelantan dengan dasar al-Quran Nul Karim sebagai Kalamullah, petang ini saya dan kerajaan saya seakan-akan berasa ada perubahan baru. Saya sedang berada di sebuah pentas buat kali pertama dengan pemimpin negara. Alang-



AKRAB: Abdullah memimpin Nik Abdul Aziz ketika turun dari pentas selepas melancarkan Pelan Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur di Kota Bharu, baru-baru ini.

bagi Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada). Jajaran pantai di Tok Bali, Pasir Puteh pula akan dibangunkan sebagai pusat perikanan laut dalam yang berkemampuan memajukan industri berasaskan perikanan di wilayah ECER, manakala hab halal di Pasir Mas pula bermatlamat melonjakkan negara sebagai pusat utama produk halal global.

Di bawah ECER, Tumpat bakal berubah wajah apabila kawasan sempadan Pengkalan Kubor akan dibangunkan dan dipromosi untuk memainkan peranan penting dalam pembangunan Kawasan Segi Tiga Indonesia-Malaysia-Thailand selain memajukan jalinan perdagangan dengan negara Indo-China melalui peningkatan jaringan hubungan darat dan laut yang akan dikembangkan.

Sebuah lagi kawasan dalam jajahan Tumpat iaitu Palekbang pula akan dimajukan sebagai Kota Bharu City Centre dan Perkampungan Kraftangan untuk tarikan pelancongan bandar dan budaya melalui pengwujudan *water front* dinamik dalam mempromosikan keunikan cara hidup dan budaya serta hasil kraftangan ke peringkat global.

Sebagai jajahan terbesar yang keluasanya melebihi separuh negeri Kelantan, Gua Musang di Hulu Kelantan turut dimajukan sebagai Taman Herba yang mengambil peluang dari biodiversiti yang kaya dan warisan biologi di ECER di mana herba akan ditanam dan diproses menjadi produk kesihatan.

Gua Musang turut akan dimajukan sebagai Taman Pengeluaran Daging Ayam bertujuan mengurangkan kemiskinan melalui pelaburan dan peluang pekerjaan, seterusnya meningkatkan pengeluaran bagi memenuhi permintaan ayam yang meningkat di samping menjadi sumber daging ayam untuk industri makanan halal.